

Babak-babak dalam Drama Dakwah: Suatu Penjelasan Ke Arah Penentuan Hukum

Prof. Madya Dr Ab. Aziz bin Mohd. Zin

Abstract

The article tries to examine the bases of allowance-prohibition of acts in Islam which were made as a basis for the determination of acts yet to be determined and to determine acts yet to take place in the future. The discussion will also through light in understanding of how a certain prohibited act can be allowed if committed with other acts to achieve certain virtuous goals.

Pendahuluan

Antara saluran yang berpengaruh dan berkesan untuk mengubah pemikiran masyarakat masakini ialah media drama. Ia diminati oleh semua lapisan masyarakat. Saluran ini harus diambil peluang oleh dakwah untuk mempengaruhi pemikiran masyarakat ke arah matlamat dakwah. Tetapi, untuk berbuat demikian banyak masalah terpaksa dihadapi. Masalah pertama ialah masalah penentuan hukum. Masalah ini berpunca kerana babak-babak dalam drama hari ini banyak yang bercanggah dengan hukum syarak. Dengan itu, ia tidak boleh dijadikan media untuk dakwah. Tulisan ini bertujuan untuk memberi laluan ke arah penyelesaian dalam masalah tersebut.

Apa yang dimaksudkan dengan *Babak-babak dalam Drama* ialah babak-babak yang bercampur antara yang dianggap bercanggah dengan syarak dan yang tidak bercanggah. Adapun babak-babak yang tidak bercanggah dengan syarak, maka ia sudah jelas hukumnya, iaitu bukan setakat dibolehkan malah digalakkan.

Satu Dilema

Setakat ini memperlihatkan adanya dilema untuk menjadikan drama sebagai saluran dakwah. Ia menjadi dilema kerana kalaulah babak-babak dalam drama dakwah itu

dibersihkan dari sebarang unsur yang dianggap ditegah oleh Islam, maka sudah pasti drama itu tiada tarikan. Golongan yang menjadi sasaran kepada drama dakwah tidak memberi perhatian dan akibatnya mesej dakwah tidak akan sampai. Kalaupun babak-babak itu diselitkan dengan unsur-unsur yang boleh menarik golongan sasaran, ia dikatakan bercanggah dengan hukum, kerana babak yang menarik perhatian sasaran sekarang biasanya babak-babak yang bercanggah dengan syarak.

Dasar Penentuan Hukum dalam Syarak

Sebelum dibincang perkara ini lebih lanjut eloklah dilihat terlebih dahulu tentang perkara asas dalam penentuan hukum dalam Islam.

Yusof al-Qaradawi, dalam bukunya, *Halal dan Haram dalam Islam*,¹ menerangkan dalam bab pertama buku ini mengenai pokok-pokok ajaran Islam tentang halal dan haram, iaitu:²

1. Asal tiap-tiap sesuatu dibolehkan.
2. Halal dan haram hanya ditentukan oleh Allah.
3. Mengharamkan yang halal atau menghalalkan yang haram kedudukannya sama dengan syirik.
4. Mengharamkan yang halal akan mengakibatkan yang haram kedudukannya sama dengan syirik.
5. Setiap yang halal tidak memerlukan yang haram.
6. Apa sahaja yang membawa kepada haram adalah haram.
7. Memutarkan yang haram hukumnya tetap haram.
8. Niat baik tidak melepaskan yang haram.
9. Patut menjauhkan diri dari syubhat kerana takut terlibat dalam haram.
10. Sesuatu yang haram terkena untuk semua.
11. Keadaan yang terpaksa membolehkan yang terlarang.

Kajian terhadap hukum-hukum Islam, sama ada yang halal atau yang haram didapati bahawa dasar penentuan hukum dalam Islam ditentukan oleh dua perkara, iaitu adanya baik (untung) dan buruk (rugi). Apabila dalam sesuatu perkara itu yang rugi atau bahaya lebih banyak dari yang untung atau faedah, ia ditegah atau diharamkan. Kalaupun yang baik atau untung lebih banyak dari yang buruk ia disuruh atau dihalalkan.

Untuk menjelaskan kefahaman tersebut boleh dilihat kepada contoh-contoh di bawah ini. Meminum arak, menipu dan mencuri terdapat kedua-dua perkara tersebut. Pada arak ada baik-buruknya.³ Pada menipu dan mencuri ada baiknya, iaitu mendapat sesuatu yang diinginkan. Tetapi, oleh kerana dalam ketiga-tiga perbuatan tersebut lebih banyak keburukan atau kerosakan daripada kebaikan dan faedah, maka ia ditegah.

Zakat, puasa dan haji ada baik-buruknya. Buruk pada zakat ialah kerugian sebahagian daripada harta. Buruk pada puasa ialah terpaksa menghadapi kelaparan dan keletihan. Buruk pada haji ialah kerugian wang, keletihan dan kesusuhan hidup semasa haji. Namun, oleh kerana kebaikan atau faedah yang terdapat pada ketiga-tiga perkara tersebut jauh lebih banyak daripada keburukan atau kerugian maka ia diwajibkan.

Sesuatu perbuatan dalam kehidupan harian kita ada untung-ruginya. Amat sedikit dalam sesuatu perbuatan itu terdapat hanya untung sahaja atau rugi sahaja. Sehingga kalau kita makan sekalipun ada untung-ruginya, iaitu untung kerana mendapat tenaga dan kelazatan, dan rugi kerana terpaksa membayar. Oleh kerana Islam mementingkan kesejahteraan manusia, maka Islam mementingkan kepastian baik-buruk atau untung-rugi dalam sesuatu perbuatan untuk ditentukan ke atas pemeluknya, sama ada boleh atau tidak.

Matlamat Tidak Menghalalkan Cara

Antara kaedah syarak yang digunakan untuk menyekat seseorang supaya tidak menghalalkan atau mengharamkan sesuatu secara sewenang-niwang ialah kaedah yang kelapan di atas, iaitu matlamat tidak menghalalkan cara. Mengikut kaedah ini, niat yang baik dan matlamat yang murni tidak mengharuskan sebarang cara. Matlamat dan cara hendaklah disesuaikan, iaitu untuk tujuan kebaikan cara juga hendaklah baik dan halal. Maka, sesiapa yang mengumpulkan wang dengan cara haram, kemudian disedekahkan wang itu, dia tidak mendapat pahala, malah dia berdosa.⁵

Namun, kalaulah kita melihat kepada dasar kaedah di atas adalah jelas. Mencuri untuk membantu orang lain tidak dibolehkan, kerana mencuri bahayanya besar. Ia lebih besar daripada kebaikan membantu orang lain (sedekah). Sebab itu ia ditegah.

Tetapi, jika ada dua orang yang sedang bertengkar, yang satunya dengan tiba-tiba mengeluarkan pistolnya untuk menembak lawannya, maka kita yang melihat kejadian itu terus memukul orang itu untuk mengelakkan pembunuhan. Apakah pukulan kita itu membawa kepada dosa? Contoh lain ialah melakukan pembunuhan yang pada asalnya adalah satu perbuatan yang sangat buruk. Tetapi kalau membunuh dalam peperangan pada jalan Allah atau jihad, apakah juga buruk? Demikian juga meninggalkan puasa pada bulan Ramadan dalam keadaan biasa adalah buruk. Tetapi kalaulah meninggalnya kerana mengelakkan diri dari bahaya penyakit, apakah itu buruk?

Jawapan kepada persoalan-persoalan tersebut adalah jelas, iaitu semuanya tidak. Dengan itu ia menunjukkan bahawa keadaan dan suasana juga memainkan peranan untuk menentukan hukum dalam Islam, kerana baik-buruknya sesuatu perbuatan ditentukan oleh keadaan dan suasana.

Maka, cara halal dan cara haram berdasarkan kaedah di atas masih boleh ditafsirkan, dan penafsirannya bergantung kepada keadaan.

Persoalan yang boleh ditimbulkan di sini, apakah hukumnya menggunakan babak-babak yang dianggap ditegah oleh syarak dalam drama untuk tujuan dakwah?

Ke Arah Penentuan Hukum

Secara kasarnya, ada dua pendapat mengenai hukum tersebut. Pertama, ia ditegah. Alasannya dikatakan jelas, iaitu segala perkara yang bertentangan dengan syarak tidak boleh dilakukan, walaupun untuk kebaikan. Ia menyalahi kaedah kelapan di atas.

Kedua, tidak bersetuju dengan pendapat pertama, kerana hujah yang dipegang oleh

pendapat pertama masih boleh dibincang. Alasannya bahawa dalam sesetengah keadaan dan suasana keburukan tidak dinilai sebagai keburukan lagi. Dengan itu ia tidak bercanggah dengan kaedah di atas.

Untuk membuka ruang pemikian bagi menimbangkan hujah pendapat kedua ini beberapa contoh boleh dibawah, iaitu:

1. Kisah Nabi Ibrahim a.s. dengan kaumnya yang diceritakan oleh al-Quran melalui ayat 76 - 79 surah *al-An'am*. Dalam ayat-ayat tersebut Allah menceritakan tentang Nabi Ibrahim 'a.s. yang mencari-cari Tuhan. Planet, bulan dan matahari dikatakan Tuhan, sebelum baginda berjumpa dengan Tuhan yang sebenar.

Oleh kerana ayat-ayat tersebut jelas menunjukkan bahawa Nabi Ibrahim a.s. mengakui pada peringkat permulaannya planet, bulan dan matahari itu Tuhan, maka ahli tafsir menafsirkan ayat tersebut dengan berbagai penafsiran. Ada yang menyatakan pengakuan tersebut peringkat sepintas lalu permulaan dan ketika baginda kecil.⁶

Tokoh-tokoh dakwah menafsirkan ayat-ayat tersebut dengan cara yang tersendiri. Mereka menyebut Nabi Ibrahim 'a.s. menggunakan cara untuk menolak pemikiran masyarakat yang silap tentang sesuatu perkara melalui pendekatan masuk ke dalam pemikiran masyarakat itu sendiri. Dia tidak terus menolak pemikiran itu, supaya sasaran berasa Nabi Ibrahim 'a.s. bersama mereka.⁷

Penafsiran tersebut sebenarnya ada persamaan dengan tokoh-tokoh tafsir yang lain. Contohnya al-Maraghi yang menafsirkan pengajian Nabi Ibrahim 'a.s. itu ialah bertujuan untuk perbincangan, perbahasan dan mencari hujah dengan cara mengakui pemikiran mereka pada peringkat permulaan untuk menarik perhatian supaya ia senang ditolak selepas itu.⁸

Begitu juga al-Sabuni yang menyatakan bahawa pengakuan Nabi Ibrahim 'a.s. adalah menunjukkan cara kaumnya berfikir ketika mencari-cari Tuhan. Pemikiran yang silap seperti ini ditonjolkan supaya ia senang ditolak selepas itu.⁹ Al-Syawkani pula antara lain menyebut bahawa kemungkinan pada ketika itu Nabi Ibrahim 'a.s. masih kecil atau sebagai satu hujah untuk mengemukakan kebenaran selepas itu.¹⁰

Dari perbincangan-perbincangan di atas dapat disimpulkan bahawa pengajian Nabi Ibrahim planet, bulan dan matahari itu Tuhan tidak menjadi satu kesalahan yang paling besar, kerana pengakuan tersebut bertujuan untuk memperbaiki kepercayaan kaumnya yang rosak tentang ketuhanan.

2. Al-Quran dan hadis sering mendedahkan keburukan dan kerosakan kaum-kaum sebelum ini bertujuan untuk memperbaikinya, kerana bahayanya mereka berada dalam keadaan tersebut. Contohnya ialah seperti al-Quran mendedahkan keadaan masyarakat Nabi Ibrahim 'a.s. yang menyembah berhala,¹¹ masyarakat Nabi Lut 'a.s. yang jahat seperti suka melakukan homosexual¹² dan masyarakat Nabi Muhammad s. 'a.w. sendiri yang melakukan banyak kerosakan.¹³

Begitu juga dalam hadis dan sejarah, khususnya sejarah umat Islam sepanjang masa banyak menceritakan tentang kerosakan umat manusia yang bermacam-macam keadaan.

Kesimpulannya ialah bahawa penonjolan yang dipaparkan melalui cerita tentang keadaan-keadaan manusia yang rosak dan jahat, tetapi dengan tujuan contoh teladan dan pengajaran ke arah pembaikan adalah tidak menjadi satu kesalahan.

3. Ibn Kathir dan al-Tabari menceritakan dengan panjang lebar satu cerita yang sungguh menyayat hati tentang segolongan orang yang beriman kepada Allah yang sanggup mempertahankan iman mereka walaupun terpaksa menghadapi mati. Kisah tersebut diceritakan oleh Allah dalam surah *al-Buruj* dan ia terkenal dengan golongan yang dihumban ke dalam gaung api. Ringkasannya ialah seorang budak menjadi musuh ketat kepada raja kerana budak itu beriman kepada Allah dan menolak raja itu sebagai Tuhan. Banyak usaha telah dilakukan oleh raja itu untuk membunuh budak itu, tetapi semua usahanya gagal kerana budak itu dilindungi Allah. Akhirnya budak itu memberitahu raja rahsia untuk membunuhnya, iaitu dengan menggunakan panah dan sebelum memanah hendaklah dia menyebut: "Dengan nama Allah, Tuhan budak ini." Pesanan itu dilakukan oleh raja, lalu budak itupun mati. Tetapi dengan kematian budak itu, ramai orang yang menyaksikan peristiwa itu beriman kepada Allah dan menolak raja itu sebagai Tuhan. Oleh kerana kemarahannya, mereka yang tetap beriman kepada Allah dihumbankan ke dalam parit api yang beryala-nyala.¹⁴ Budak itu sanggup mempertahankan nyawanya, iaitu rela dibunuh untuk menarik perhatian orang ramai supaya beriman kepada Allah.

Dari peristiwa tersebut dapat disimpulkan bahawa sesuatu pembunuhan itu dibolehkan dengan tujuan suatu usaha dakwah, iaitu menarik orang ramai kepada agama Allah.

4. Ketika berlaku peristiwa persiapan orang Islam di Madinah untuk menghadapi perang dengan tentera bersekutu yang dinamakan tentera Ahzab (berlaku pada tahun ke 5H), Naim bin Mas'ud yang baru sahaja memeluk Islam dan belum diketahui oleh kaumnya di Madinah mengenai Islamnya datang berjumpa Nabi s. 'a.w. Nabi s. 'a.w. berpesan kepadanya supaya menyembunyikan Islamnya dan buatlah apa-apa usaha untuk melemahkan tentera musuh dan memberitahunya bahawa perang itu adalah tipu helah.¹⁵

Naim berusaha memecahbelahkan pihak musuh, khususnya antara orang Yahudi Madinah dengan musyrikin Mekah yang telah berpakat untuk sama-sama menentang Nabi s. 'a.w. dan orang-orang Islam dalam peperangan itu. Usaha tersebut dilakukan dengan cara menghasut dan memfitnah kedua-dua pihak supaya masing-masing hilang kepercayaan antara satu sama lain.¹⁶

Peristiwa ini dapat disimpulkan bahawa usaha memfitnah dan memecahbelah, walaupun di kalangan orang bukan Islam adalah satu perbuatan yang ditegah pada asalnya. Tetapi, usaha tersebut, jika untuk mencapai satu matlamat yang murni disuruh oleh Nabi s. 'a.w.

5. Sejarah Islam di Andalus mencatat satu peristiwa yang istimewa tentang kehebatan pejuang Islam masa lampau, khususnya penglima perang yang gagah berani, Tariq bin Ziyad.

Dalam peristiwa yang berlaku pada tahun 711M ini, Tariq bin Ziyad selaku penglima perang tentera Islam dalam misi membebaskan Andalus telah membuat keputusan membakar kapal-kapal yang dinaiki, setelah tentera Islam naik ke Pantai Jabal Tariq (Gibraltar). Beliau berbuat demikian supaya tentera Islam tidak bercita-cita untuk pulang, dengan itu dapat menumpukan perjuangan melawan musuh dengan sepenuhnya.¹⁷

Di antara kata-kata semangat Tariq kepada tenteranya pada peristiwa ini ialah: "Ke mana kamu nak lari! Laut di belakang kamu dan musuh di hadapan kamu"¹⁸

Terdapat sesetengah ahli sejarah yang mempertikaikan kesahihan peristiwa pembakaran kapal oleh Tariq dengan alasan itu satu perbuatan yang tidak manasabah. Namun, kerana kejadian ini merupakan suatu catatan sejarah yang masyhur dan diterima oleh ramai ahli sejarah sejak dulu, maka ia diterima sebagai suatu kejadian yang benar.

Peristiwa yang bersejarah tersebut jelas menunjukkan bahawa perbuatan yang ditegah seperti membakar kapal tidak dianggap sebagai buruk dan merugikan kalau dengan itu ada harapan untuk mencapai satu matlamat yang mulia, iaitu kemenangan perang.

6. Di sekitar abad ke 15 terdapat sembilan orang pendakwah di Jawa, Indonesia yang mashur dengan panggilan Wali Songo atau Wali Sembilan.¹⁹ Mereka ialah Malik Ibrahim, Sunan²⁰ Ampel, Sunan Bonang, Sunan Giri, Sunan Drajad, Sunan Kalijaga, Sunan Kudus, Sunan Muria dan sunan Jati.²¹

Peranan sembilan orang pendakwah ini berdakwah di Tanah Jawa sungguh besar, sehingga ramai tokoh-tokoh sejarah Islam menyebut bahawa kalau tidak kerana Wali Songo Tanah Jawa tidak menerima Islam.

Satu perkara yang menarik ialah bahawa pendekatan dakwah Wali Songo berlainan dengan pendekatan kebanyakan pendakwah, kerana pendekatan mereka ialah masuk ke dalam rentak masyarakat. Cara mereka adalah cara damai dan masyarakat bukan Islam ketika itu tidak terasa bahawa mereka telah dibawa kepada Islam. Cara tersebut disebut sebagai berjaya membawa berduyun-duyun orang Jawa kepada Islam.²¹

Antara pendekatan dakwah yang masyhur yang dibawa oleh Wali Songo ialah dakwah melalui wayang kulit, seni suara dan kraftangan. Pendekatan wayang kulit dipilih untuk menarik masyarakat yang sangat menggemarinya pada ketika itu.²² Malah tempat pertunjukan permainan-permainan itu diadakan di kawasan masjid.

Mengikut pengkaji-kaji dakwah, cara ini ada kelemahannya, iaitu ia tidak banyak mengubah pemikiran dan amalan asal masyarakat yang bercanggah dengan Islam setelah seseorang itu memeluk Islam, sampai ke hari ini. Dengan itu, ramai tokoh dakwah masakini menolak pendekatan tersebut. Namun oleh kerana cara tersebut telah berjaya menarik perhatian sasaran pada ketika itu untuk masuk Islam, maka ia dikira sebagai satu pendekatan dakwah yang sesuai bagi masyarakat Jawa pada ketika itu.

Cara yang digunakan oleh Wali Songo dalam dakwah mereka dikira banyak yang bertentangan dengan Islam. Namun untuk membawa sasaran ke satu tahap yang mulia dan tinggi cara tersebut diharuskan oleh mereka.

Kesimpulan

Perbincangan di atas menghasilkan kesimpulan berikut:

1. Pada kebiasaannya, dalam sesuatu perbuatan itu terdapat unsur halal dan unsur haram atau untung rugi. Penentuan Syarak ialah apabila unsur baik atau untung lebih banyak daripada unsur buruk atau rugi maka ia dihalalkan keseluruhannya. Begitu juga sebaliknya, apabila yang buruk atau rugi lebih banyak daripada yang baik maka ia diharamkan keseluruhannya.

2. Untuk menjelaskan pemakaian kaedah tersebut di atas dalam penentuan hukum, selain daripada ia terdapat pada hukum-hukum Islam itu sendiri, contoh-contohnya banyak dilakukan oleh nabi-nabi, para sahabat dan tokoh-tokoh Islam sepanjang sejarah.
3. Supaya tidak membawa kepada kecelaruan dan kekeliruan dalam menentukan keuntungan (kebaikan) lebih banyak daripada kerugian (kerusakan) untuk menentukan hukum halal dalam sesuatu perbuatan beberapa syarat perlu dipenuhi, iaitu:
 - i. Matlamat yang hendak dicapai dalam sesuatu perbuatan itu adalah jelas.
 - ii. Keuntungan yang akan didapati melalui perbuatan itu adalah jelas lebih besar daripada keburukan yang akan didapati.
 - iii. Matlamat yang hendak dicapai adalah satu matlamat yang besar, seperti untuk kepentingan jihad dan dakwah. Ia bukan untuk kepentingan peribadi.

Jika syarat-syarat tersebut tidak dipenuhi, maka sesuatu perbuatan itu terkeluar dari mengikuti kaedah di atas dan tidak diterima sebagai baik, walaupun dengan niat yang baik.

4. Dalam sesuatu drama, jika ia untuk tujuan dakwah, yang matlamatnya jelas dan kebaikannya yang akan didapati jelas lebih besar daripada keburukan, perlu mematuhi syarat keempat, iaitu tujuan ditonjolkan babak-babak buruk ialah untuk dikenakan pembalasan yang wajar selepas itu.

Berdasarkan hujah-hujah dalam contoh-contoh yang telah dikemukakan di atas, maka apakah sesetengah babak buruk yang dipamerkan dalam drama dakwah boleh merosakkan drama ini sebagai satu drama dakwah dan tidak boleh diterima oleh Islam?

NOTA HUJUNG

1. Pustaka National, Singapura, 1981
2. *Ibid.* h. 11 - 49
3. Cuba lihat keterangan Allah dalam ayat 219 Surah *al-Baqarah*
4. Maksud hadis yang dibawa oleh al-Qaradawi, *op.cit.* h. 40
5. Al-Qurtubi, *al-Jami'li Ahkam al-Qur'an*, Beirut, 1965, juz. 7, muj. 4, h. 25
6. Dr. Ahmad Ahmad Ghalush, *al-Da'wah al-Islamiyah*, Dar al-Kutub, Kaherah/Beirut, t.t. h. 136
7. Al-Maraghi, *Tafsir al-Maraghi*, 1974, juz. 7, muj. 3, h. 170
8. Al-Sabuni, *Safwah al-Tafsir*, Beirut, 1981, muj. 1. h. 401
9. Al-Syawkani, *Fath al-Qadir*, Dar al-Wafa', 1994, juz. 2, h. 139
10. Contohnya ayat 52 - 71, surah *al-Anbiya'*
11. Lihat gambaran yang dijelaskan oleh ayat-ayat 80 -81, surah *al-A'raf* dan ayat-ayat 28 - 29 Surah *al-Ankabut*
12. Seperti pendedahan aurat wanita. Lihat ayat 33, surah *al-Ahzab*
13. Al-Sabuni, *Mukhtasar Tafsir Ibn Kathir*, Beirut, 1981, muj. 3, 623 - 624 dan al-Tabari, *Jami' al-Bayan*, Mesir, 1968, juz. 30, h. 133 - 134.
14. Muhammad al-Ghazali, *Fiqh al-Sirah*, 'Alam al-Ma'rifah, t.t. h. 330
15. *Ibid.* h. 330 - 331
16. Muhammad 'Abd al-Mun'im al-Himyari, *al-Rawd ak-Mu'tar fi Khabar al-Aqtar*, Beirut, 1984, h. 224 dan Dr. Abd al-Aziz Salim, *Tarikh al-Muslimin wa Atharuhum fi al-Andalus*, Iskandariyah, 1982, h. 73.
17. Dr. Abd al-Rahman 'Ali al-Hijji, *al-Tarikh al-Andalusi*, Beirut, 1987, h. 57
18. Penulis tidak begitu setuju dengan gelaran wali kepada seseorang, kerana wali ditentukan oleh Allah dan tidak diberitahu kepada umum secara rasmi. Tidak mudah untuk mengenali seseorang itu wali pilihan Allah
19. Sunan ialah gelaran penghormatan di Indonesia kepada orang yang baik-baik dan selalu diminta nasihat, pada masa dia masih hidup. Drs. Nur Amien Fatth, *Metode De'wah Wali Songo*, T.B. Bahagia, t.t. h. 26 - 27.
20. Antara tulisan yang memaparkan metod dakwah Wali Songo ialah, *Ibid.*
21. *Ibid.* h. 52
22. *Ibid.* h. 52